



PELAKSANAAN E-INVOIS DI MALAYSIA
SOALAN LAZIM (FAQs) BAGI INDUSTRI PEMBINAAN
(DIKEMAS KINI PADA 6 JANUARI 2026)

Bil.	Soalan	Maklum Balas
1.	Adakah e-Invois diperlukan bagi caj yang dikenakan kepada subkontraktor, termasuk penalti?	Ya, e-Invois perlu dikeluarkan oleh kontraktor [seperti yang ditakrif di bawah Peraturan Cukai Pendapatan (Kontrak Pembinaan) 2007] bagi caj yang dikenakan kepada subkontraktor.
2.	Apakah layanan e-Invois bagi tuntutan kemajuan dalam pembinaan sesebuah hartanah?	Dalam keadaan di mana perakuan kerja siap tidak diperlukan, kontraktor dikehendaki mengeluarkan e-Invois berkaitan tuntutan kemajuan bagi pembinaan hartanah untuk mengesahkan pendapatan yang dijana. Jika perakuan kerja siap diperlukan, e-Invois boleh dikeluarkan setelah mendapat perakuan tersebut.

Bil.	Soalan	Maklum Balas
3.	Terdapat keadaan di mana kontraktor utama akan membeli bahan bagi pihak pemilik. Dalam situasi ini, kontraktor utama akan membeli bahan daripada pembekal / penjual / peniaga. Selepas itu, kontraktor akan memasukkan pembelian tersebut dalam tuntutan berperingkat kepada pemilik. Setelah pelaksanaan e-Invois, adakah aturan yang sama akan terus digunakan atau kontraktor utama perlu mengubah proses semasanya?	Kontraktor utama dibenarkan untuk meneruskan aturan pengebilan semasanya. Dengan pelaksanaan e-Invois, semua invoice yang dikeluarkan oleh kontraktor utama perlu dalam bentuk e-Invois.
4.	Syarikat A berhasrat untuk menjual bahan binaan kepada syarikat berkaitan. Jika Syarikat A diwajibkan melaksanakan e-Invois dalam Fasa 1 mengikut garis masa pelaksanaan mandatori, adakah Syarikat A perlu mengeluarkan e-Invois kepada syarikat berkaitan?	Jika syarikat berkaitan meminta e-Invois dikeluarkan, Syarikat A dikehendaki mengeluarkan e-Invois bagi bahan binaan yang dijual. Sekiranya syarikat berkaitan tidak meminta e-Invois, Syarikat A boleh mengeluarkan resit bagi transaksi tersebut dan seterusnya mengagregatkan semua resit untuk pengeluaran e-Invois disatukan dalam tempoh tujuh (7) hari kalendar selepas akhir bulan. Sila rujuk Seksyen 3.5 dan 3.6 Garis Panduan Spesifik e-Invois untuk panduan lanjut mengenai pengeluaran e-Invois.